

Abu Zarim enggan panggil kerapatan

SEREMBAN, Ahad — Datuk Muda Linggi Abu Zarim Haji Mu-llop berkata beliau tidak perlu memanggil satu kerapatan adat bagi menjelaskan kedudukannya di segi adat dan pesaka Luak Sungai Ujong kepada anak-anak Warisnya.

Serentak itu, beliau menyelar golongan tertentu yang cuba campur tangan dalam urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi khususnya beberapa pengamal adat yang mencadangkan supaya kerapatan seumpama itu segera diadakan bagi menyelesaikan 'krisis' Datuk Muda Linggi.

"Saya tidak perlu memanggil sebarang kerapatan adat kerana tidak ada sebarang krisis adat yang berlaku di Wilayah Linggi. Saya masih menjadi penyandang pesaka Datuk Muda Linggi yang sah serta diktiraf oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan.

"Saya juga ingin mengesahkan di sini bahawa saya tetap menerima elauan pemakanan bulanan daripada Kerajaan Negeri Sembilan," katanya.

Beliau menyifatkan kerapatan adat di Sekolah Menengah Linggi minggu lalu sebagai 'percubaan untuk menggulingkan Datuk Muda Linggi yang tidak direstul oleh aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong'.

Guling

Dalam kerapatan itu, kira-kira 100 orang anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut iaitu Pengkalan, Solok dan Hilir mencapai kata sepakat untuk memecat Datuk Abu Zarim daripada menyandang pesaka Datuk Muda Linggi kerana beliau dikatakan melakukan enam kesalahan adat.

Datuk Muda Linggi Abu Zarim, bagaimanapun mempertahankan bahawa kerapatan itu hanya dihadiri oleh kira-kira 40 orang sahaja anak Waris yang bukan mewakili tiga Perut berkenaan.

"Sehubungan ini, saya mensihatkan semua anak Waris Datuk Muda Linggi supaya bertenggang dan jangan sekali-kali mudah terpengaruh dengan

dakwaan liar yang dilemparkan terhadap diri saya.

"Saya juga berharap supaya golongan tertentu khususnya pengamal-pengamal adat tempatan tidak mencampuri urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi, yang terletak di bawah bidangkuasa saya selaku Datuk Muda Linggi yang sah," kata Datuk Muda Linggi Abu Zarim.

Menurutnya, beliau tidak mengiktiraf penubuhan sebuah jawatankuasa penyelaras adat Wilayah Linggi kerana ia adalah bercanggah dengan aturan adat yang sebenar.

Beliau berkata jawatankuasa itu tidak mempunyai sebarang fungsi kerana penyandang pesaka Datuk Muda Linggi masih wujud di Wilayah Linggi.

Beberapa orang pengamal adat Luak Sungai Ujong baru-baru ini mencadangkan supaya Datuk Muda Linggi Abu Zarim segera memanggil satu kerapatan adat bagi menyelesaikan krisis adat di Wilayah Linggi ekoran pemecatannya. — **BUS-TAMAM AHMAD.**